



NEGERI MELAKA

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF MALACCA GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 56

22hb November 2012

No. 24

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976
(Akta 171)

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976
(Act 171)

No. 893.

MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH
ALOR GAJAH MUNICIPAL COUNCIL

RINGKASAN BELANJAWAN
SUMMARY OF THE BUDGET

Dengan ini diberitahu bahawa menurut kuasa di bawah subseksyen 55(6) Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], Pihak Berkuasa Negeri dengan ini meluluskan Ringkasan Belanjawan bagi tahun 2013 seperti berikut:

Notice of hereby given that pursuant to powers conferred by subsection 55(6) of the Local Government Act 1976 [*Act 171*], the State Authority hereby approved the Summary of the Budget for the year 2013 as follows:

MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH
RINGKASAN BELANJAWAN 2013

	2013 RM	2012 RM	Beza
Perkara			
Hasil Cukai	16,400,000.00	16,450,000.00	(50,000.00)
Hasil Bukan Cukai	7,832,000.00	8,043,000.00	(211,000.00)

	2013 RM	2012 RM	Beza
Pelbagai Terimaan	5,339,000.00	4,860,000.00	479,000.00
HASIL SEMASA	29,571,000.00	29,353,000.00	218,000.00
Tunggakan	3,550,000.00	3,700,000.00	(150,000.00)
JUMLAH TERIMAAN	33,121,000.00	33,053,000.00	68,000.00
Emolumen	9,745,400.00	7,830,200.00	1,915,200.00
Perkhidmatan dan Bekalan	18,616,600.00	18,799,700.00	(183,100.00)
Aset	898,900.00	1,987,900.00	(1,089,000.00)
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	3,162,000.00	3,747,000.00	(585,000.00)
Perbelanjaan Lain	657,500.00	631,500.00	26,000.00
JUMLAH PERBELANJAAN	33,080,400.00	32,996,300.00	84,100.00
SURPLUS	40,600.00	56,700.00	(16,100.00)

Bertarikh 19 Oktober 2012

Dated 19 October 2012

[MPAG. 504/004/032/Jilid 5;
PUNM. 700-02/6 Jilid 9]

KAMARUDIN BIN MD SHAH
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Alor Gajah
President
Alor Gajah Municipal Council

No. 894.

AKTA PERHUTANAN NEGARA 1984

(Akta 313)

NATIONAL FORESTRY ACT 1984

(Act 313)

HUTAN SIMPANAN

RESERVED FOREST

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 7(1) Akta Perhutanan Negara 1984 [*Akta 313*], Pihak Berkuasa Negeri menjadikan tanah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual sebagai hutan simpan mulai dari 29 Ogos 2012.

In exercise of the powers conferred by subsection 7(1) of the National Forestry Act 1984 [*Act 313*], the State Authority constitutes the parcel of land described in the Schedule a permanent reserved forest with effect from 29 August 2012.

JADUAL/SCHEDULE

Daerah/*District*—Alor Gajah. Mukim/*Mukim*—Kuala Linggi. No. Lot/*Lot No.*—4448. No. P.A./*P.A. No.*—45796. Keluasan/*Area*—102.7 hektar/*hectares*.

[PTG(M)S/370/2/1396; MMKN. 25A/16/2011; PTGM.UP. 100/28/2 Jld. 8]

Bertarikh 18 Oktober 2012

Dated 18 October 2012

MARIAM BINTI ILIAS

Setiausaha

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Melaka/

Secretary

State Executive Council Malacca

KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 tahun 1965)

NATIONAL LAND CODE

(Act 56 of 1965)

No. 895.

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan di bawah subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara 1965 [*56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri merizabkan tanah yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu, tapak untuk tujuan Tapak Padang Bola Sepak. Tanah rizab yang diperihalkan dalam Jadual hendaklah dikawal oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka dan diselenggarakan oleh Pengarah Majlis Sukan Negeri Melaka.

In exercise of the powers conferred under subsection 62(1) of the National Land Code 1965 [*56 of 1965*], the State Authority reserves the land described in the Schedule for the public purpose, that is a site for purpose of *Tapak Padang Bola Sepak*. The reserved land described in the Schedule shall be controlled by State Secretary of Malacca and be maintained by Director of the State Sport Council Malacca.

JADUAL/SCHEDULE

Daerah/*District*—Jasin. Mukim/*Mukim*—Sebatu. No. Lot/*Lot No.*—5534. No. P.A./*P.A. No.*—39346. Keluasan/*Area*—2.053 hektar/*hectares*.

[PTG(M)S/370/3/12/647; MMKN. 37A/23/2005; PTGM.UP. 100/28/2 Jld. 8]

Bertarikh 28 September 2005

Dated 28 September 2005

MARIAM BINTI ILIAS

Setiausaha

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Melaka/

Secretary

State Executive Council Malacca

No. 896.

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan di bawah subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara 1965 [*56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri merizabkan tanah yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu, tapak untuk tujuan sepertimana yang dinyatakan dalam Jadual. Pengarah Jabatan Agama Islam Melaka hendaklah menjadi Pegawai Pengawal bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual ini.

In exercise of the powers conferred under subsection 62(1) of the National Land Code 1965 [*56 of 1965*], the State Authority reserved the land described in the Schedule for the public purpose, that is a site for purpose as mentioned in the Schedule. Director of Department of Islamic Religion of Malacca shall be the Controlling Officer for the said lands described in the Schedule.

JADUAL/SCHEDULE

Daerah/*District*—Alor Gajah. Bagi tujuan Tapak Tambahan Masjid Kampung Paya Datok/*A site for the purpose of Tapak Tambahan Masjid Kampung Paya Datok*. Mukim/*Mukim*—Pegoh. No. Lot/*Lot No.*—1542. No. P.A./*P.A. No.*—25316. Keluasan/*Area*—1978 meter persegi/*square metres*.

[PTG(M)S/370/2/24/994; MMKN. 13A/14/2009; PTGM.UP. 100/28/2 Jld. 8]

Daerah/*District*—Alor Gajah. Bagi tujuan Kompleks Agama dan Mahkamah Syariah Alor Gajah/*A site for the purpose of Kompleks Agama dan Mahkamah Syariah Alor Gajah*. Mukim/*Mukim*—Kelemak. No. Lot/*Lot No.*—5841. No. P.A./*P.A. No.*—33065. Keluasan/*Area*—3075 meter persegi/*square metres*.

[PTG(M)S/370/2/25/1493; MMKN. 9A/14/2012; PTGM.UP. 100/28/2 Jld. 8]

Bertarikh 18 Oktober 2012

Dated 18 October 2012

MARIAM BINTI ILIAS

Setiausaha

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Melaka/

Secretary

State Executive Council Malacca

No. 897.

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan di bawah subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara 1965 [*56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri merizabkan tanah yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu, tapak untuk sistem dan perkhidmatan pembetungan. Tanah rizab yang diperihalkan dalam Jadual hendaklah dikawal oleh Pesuruhjaya Tanah Persekutuan.

In exercise of the powers conferred under subsection 62(1) of the National Land Code 1965 [*56 of 1956*], the State Authority reserves the land described in the Schedule for the public purpose, that is, a site for sewerage treatment systems and services. The reserved land described in the Schedule shall be controlled by Federal Land Commissioner.

JADUAL/*SCHEDULE*

Daerah/*District*—Jasin. Lokasi/*Location*—Taman Perumahan Kesang II. Mukim/*Mukim*—Kesang. No. Lot/*Lot No.*—4119. No. P.A./*P.A. No.*—38993. Keluasan/*Area*—2792 meter persegi/*square metres*.

[PTG(M)S/370/3/7/973; MMKN.21A/7/2009; PTGM.UP. 100/28/2 Jld. 8]

Daerah/*District*—Jasin. Lokasi/*Location*—Jalan Harmoni 5, Taman Harmoni. Mukim/*Mukim*—Merlimau. No. Lot/*Lot No.*—8060. No. P.A./*P.A. No.*—41274. Keluasan/*Area*—993 meter persegi/*square metres*.

[PTG(M)S/370/3/8/1441; MMKN. 34A/32/2011; PTGM.UP. 100/28/2 Jld. 8]

Daerah/*District*—Jasin. Lokasi/*Location*—Taman Asia Selatan. Mukim/*Mukim*—Jasin. No. Lot/*Lot No.*—7988. No. P.A./*P.A. No.*—40192. Keluasan/*Area*—1340 meter persegi/*square metres*.

[PTG(M)S/370/3/15/1446; MMKN.22A/36/2011; PTGM.UP. 100/28/2 Jld. 8]

Daerah/*District*—Jasin. Lokasi/*Location*—Taman Rim Baru. Mukim/*Mukim*—Rim. No. Lot/*Lot No.*—4391. No. P.A./*P.A. No.*—40374. Keluasan/*Area*—1007 meter persegi/*square metres*.

[PTG(M)S/370/3/4/1490; MMKN.10A/13/2012; PTGM.UP. 100/28/2 Jld. 8]

Daerah/*District*—Melaka Tengah. Lokasi/*Location*—Kompleks MITC Ayer Keroh. Mukim/*Mukim*—Bukit Baru. No. Lot/*Lot No.*—12043. No. P.A./*P.A. No.*—41108. Keluasan/*Area*—2.031 hektar/*hectares*.

[PTG(M)S/370/1/23/827; MMKN.11A/13/2008; PTGM.UP. 100/28/2 Jld. 8]

Daerah/*District*—Alor Gajah. Lokasi/*Location*—IKS II Pulau Sebang. Mukim/*Mukim*—Pulau Sebang. No. Lot/*Lot No.*—16223. No. P.A./*P.A. No.*—100203. Keluasan/*Area*—1199 meter persegi/*square metres*.

[PTG(M)S/370/2/1407; MMKN.10A/27/2011; PTGM.UP. 100/28/2 Jld. 8]

Daerah/*District*—Alor Gajah. Lokasi/*Location*—Taman Sutera. Mukim/*Mukim*—Kelemak. No. Lot/*Lot No.*—4373. No. P.A./*P.A. No.*—29653. Keluasan/*Area*—1001 meter persegi/*square metres*.

Daerah/*District*—Alor Gajah. Lokasi/*Location*—Taman Sri Pelangi. Mukim/*Mukim*—Sungai Petai. No. Lot/*Lot No.*—2330. No. P.A./*P.A. No.*—26546. Keluasan/*Area*—567 meter persegi/*square metres*.

Daerah/*District*—Alor Gajah. Lokasi/*Location*—Taman Sri Pelangi. Mukim/*Mukim*—Sungai Petai. No. Lot/*Lot No.*—2331. No. P.A./*P.A. No.*—26546. Keluasan/*Area*—403 meter persegi/*square metres*.

Daerah/*District*—Alor Gajah. Lokasi/*Location*—Taman Kasa Height. Mukim/*Mukim*—Kelemak. No. Lot/*Lot No.*—8776. No. P.A./*P.A. No.*—43990. Keluasan/*Area*—6207 meter persegi/*square metres*.

Daerah/*District*—Alor Gajah. Lokasi/*Location*—Taman Saujana Height. Mukim/*Mukim*—Sungai Petai. No. Lot/*Lot No.*—2646. No. P.A./*P.A. No.*—30304. Keluasan/*Area*—696 meter persegi/*square metres*.

[PTG(M)S/370/2/1433; MMKN.34A/31/2011; PTGM.UP. 100/28/2 Jld. 8]

Bertarikh 18 Oktober 2012

Dated 18 October 2012

MARIAM BINTI ILIAS
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Melaka
Secretary
State Executive Council Malacca

No. 898.

(Seksyen 97 dan 98)

NOTIS TUNTUTAN: TUNGGAKAN SEWA

(Sections 97 and 98)

NOTICE OF DEMAND: ARREARS OF RENT

Kepada Ani binti Sebah, yang beralamat di d/a Km. 32 Pekan Sungai Rambai, 77400 Sungai Rambai, Melaka dan/atau d/a Mariam binti Arif, Taman Merlimau Baru, 77300 Merlimau, Melaka, tuannya tanah yang diperihalkan dalam ruangan pertama dan kedua dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya sewa yang dikenakan bagi tanah tersebut dan yang kena dibayar bagi tahun ini masih belum dibayar dan, mulai dari 1hb Jun, adalah dalam tunggakan.

Kamu adalah dengan ini dikehendaki, dalam tempoh tiga bulan dari tarikh notis ini disampaikan, supaya membayar di Pejabat Tanah daerah ini di Jasin segala jumlah wang yang sekarang ini kena dibayar sebagaimana yang tercatat dalam ruangan ketiga hingga enam dalam Jadual itu dan yang dijumlahkan dalam ruangan akhirnya.

Dan ambil perhatian bahawa, jika jumlah yang dinyatakan dalam ruangan akhir itu tidak dibayar dengan sepenuhnya dalam tempoh tiga bulan tersebut, maka saya yang bertandatangan di bawah ini, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 100 Kanun Tanah Negara, akan mengisytiharkan dengan jalan perintah tanah berkenaan dilucuthak kepada Pihak Berkuasa Negeri.

JADUAL TANAH DAN TUNGGAKAN

Perihal dan No. Hakmilik	No. Lot	Sewa tahun ini	Tunggakan dari tahun-tahun yang lepas	Fi-fi, dll. yang dikenakan sebagai sewa	Tunggakan Fee/ Fee-fee	Jumlah kena dibayar
(1)	(2)	(3) RM	(4) RM	(5) RM	(6) RM	(7) RM
Pajakan		2012	2001-2011	Denda	Notis	
12394	8	180.00	1,830.00	1,831.50	20.00	3,861.50
Pekan Sungai Rambai						

Bertarikh 28 Ogos 2012
[PTJ/H/342/N12/7;
PUNM. 700-02/1/74]

NORAINI BINTI TAWEL
*Pentadbir Tanah Daerah
Jasin*

To Ani binti Sebah of d/a Km. 32 Pekan Sungai Rambai, 77400 Sungai Rambai, Melaka and/or d/a Mariam binti Arif, Taman Merlimau Baru, 77300 Merlimau, Malaka, proprietor of the land described in the 1st and 2nd columns of the Schedule below.

Whereas the rent reserved on the said land and due in respect of the current year is unpaid and, with effect from the 1st day of June, in arrear.

You are hereby required, within three months of the date of the service of this notice, to pay at the Land Office of this district at Jasin all the sums now due as entered in the 3rd and 6th columns of the Schedule and totalled in the final column thereof.

And take notice that, if the total specified in the final column is not paid in full within the said period of three months, then I the undersigned, by virtue of the powers conferred by section 100 of the National Land Code, shall by order declare the land forfeit to the State Authority.

SCHEDULE OF LAND AND ARREARS

Description and No. of Title	Lot No.	Current year's rent	Arrears from previous years	Fee, etc., chargeable as rent	Arrears fee/s	Total due
(1)	(2)	(3) RM	(4) RM	(5) RM	(6) RM	(7) RM
Pajakan		2012	2001-2011	Of Fine	Notice	
12394 Pekan Sungai Rambai	8	180.00	1,830.00	1,831.50	20.00	3,861.50

Dated 28 August 2012
[PTJ/H/342/N12/7;
PUNM. 700-02/1/74]

NORAINI BINTI TAWEL
District Land Administrator
Jasin

No. 899.

(Seksyen 97 dan 98)

NOTIS TUNTUTAN: TUNGGAKAN SEWA

(Sections 97 and 98)

NOTICE OF DEMAND: ARREARS OF RENT

Kepada Ismail bin Ahmad, yang beralamat di d/a Batu 21 1/4, Air Barok, 77000 Jasin, Melaka, tuannya tanah yang diperihalkan dalam ruangan pertama dan kedua dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya sewa yang dikenakan bagi tanah tersebut dan yang kena dibayar bagi tahun ini masih belum dibayar dan, mulai dari 1hb Jun, adalah dalam tunggakan.

Kamu adalah dengan ini dikehendaki, dalam tempoh tiga bulan dari tarikh notis ini disampaikan, supaya membayar di Pejabat Tanah daerah ini di Jasin segala jumlah wang yang sekarang ini kena dibayar sebagaimana yang tercatat dalam ruangan ketiga hingga enam dalam Jadual itu dan yang dijumlahkan dalam ruangan akhirnya.

Dan ambil perhatian bahawa, jika jumlah yang dinyatakan dalam ruangan akhir itu tidak dibayar dengan sepenuhnya dalam tempoh tiga bulan tersebut, maka saya yang bertandatangan di bawah ini, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 100 Kanun Tanah Negara, akan mengisytiharkan dengan jalan perintah tanah berkenaan dilucuthak kepada Pihak Berkuasa Negeri.

JADUAL TANAH DAN TUNGGAKAN

Perihal dan No. Hakmilik	No. Lot	Sewa tahun ini	Tunggakan dari tahun-tahun yang lepas	Fi-fi, dll. yang dikenakan sebagai sewa	Tunggakan Fee/ Fee-fee	Jumlah kena dibayar
(1)	(2)	(3) RM	(4) RM	(5) RM	(6) RM	(7) RM
G.M.		2012	1997-2011	Denda	Notis	
185	3445	180.00	2,430.00	3,634.80	20.00	6,264.80
Mukim Jasin						

Bertarikh 13 September 2012
[PTJ/H/342/N12/9;
PUNM. 700-02/1/74]

NORAINI BINTI TAWEL
*Pentadbir Tanah Daerah
Jasin*

To Ismail bin Ahmad of d/a Batu 21 1/4, Air Barok, 77000 Jasin, Melaka, proprietor of the land described in the 1st and 2nd columns of the Schedule below.

Whereas the rent reserved on the said land and due in respect of the current year is unpaid and, with effect from the 1st day of June, in arrear.

You are hereby required, within three months of the date of the service of this notice, to pay at the Land Office of this district at Jasin all the sums now due as entered in the 3rd and 6th columns of the Schedule and totalled in the final column thereof.

And take notice that, if the total specified in the final column is not paid in full within the said period of three months, then I the undersigned, by virtue of the powers conferred by section 100 of the National Land Code, shall by order declare the land forfeit to the State Authority.

SCHEDULE OF LAND AND ARREARS

Description and No. of Title	Lot No.	Current year's rent	Arrears from previous years	Fee, etc., chargeable as rent	Arrears fee/s	Total due
(1)	(2)	(3) RM	(4) RM	(5) RM	(6) RM	(7) RM
G.M.		2012	1997-2011	Of Fine	Notice	
185	3445	180.00	2,430.00	3,634.80	20.00	6,264.80
Mukim Jasin						

Dated 13 September 2012
[PTJ/H/342/N12/9;
PUNM. 700-02/1/74]

NORAINI BINTI TAWEL
District Land Administrator
Jasin

No. 900.

(Seksyen 97 dan 98)

NOTIS TUNTUTAN: TUNGGAKAN SEWA

(Sections 97 and 98)

NOTICE OF DEMAND: ARREARS OF RENT

Kepada Maimunah binti Samat, tuanpunya tanah/tanah-tanah yang diperihalkan dalam ruangan pertama dan kedua dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya sewa yang dikenakan bagi tanah/tanah-tanah tersebut dan yang kena dibayar bagi tahun ini masih belum dibayar dan, mulai dari 1hb Jun, adalah dalam tunggakan.

Tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki, dalam tempoh tiga bulan dari tarikh notis ini disampaikan supaya membayar di Pejabat Tanah daerah ini di Alor Gajah segala jumlah wang yang sekarang ini kena dibayar sebagaimana yang tercatat dalam ruangan ketiga hingga enam dalam Jadual itu dan yang dijumlahkan dalam ruangan akhirnya.

Dan ambil perhatian bahawa, jika jumlah/mana-mana daripada jumlah yang dinyatakan di ruangan akhir itu tidak dibayar dengan sepenuhnya dalam tempoh tiga bulan yang tersebut itu, maka saya yang bertandatangan di bawah ini, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 100 Kanun Tanah Negara, akan mengisytiharkan dengan jalan perintah tanah/tanah-tanah yang berkenaan dilucuthak kepada Pihak Berkuasa Negeri.

JADUAL TANAH DAN TUNGGAKAN

Perihal dan No. Hakmilik	No. Lot	Sewa tahun ini	Tunggakan dari tahun-tahun yang lepas	Fi-fi, dll. yang dikenakan sebagai sewa	Tunggakan Fee/ Fee-fee	Jumlah kena dibayar
(1)	(2)	(3) RM	(4) RM	(5) RM	(6) RM	(7) RM
G.M.M		2012	1989-2011	Denda Lewat	Notis	
520	240	6.00	104.00	319.30	20.00	449.30
Mukim Melaka Pindah						

Bertarikh 18 Oktober 2012
[PTAG. 11/06/01/14/3 (Thn. 12)(12);
PUNM. 700-02/1/74]

*Pentadbir Tanah Daerah
Alor Gajah*

To Maimunah binti Samat, proprietor of the land described in the 1st and 2nd columns of the Schedule below.

Whereas the rent reserved on the said lands and due in respect of the current year is unpaid and, with effect from the 1st day of June, in arrear.

You are hereby required, within three months of the date of the service of this notice, to pay at the Land Office of this district at Alor Gajah all the sums now due as entered in the 3rd and 6th columns of the Schedule and totalled in the final column thereof.

And take notice that, if the total specified in the final column is not paid in full within the said period of three months, then I the undersigned, by virtue of the powers conferred by section 100 of the National Land Code, shall by order declare the land forfeit to the State Authority.

SCHEDULE OF LAND AND ARREARS

Description and No. of Title	Lot No.	Current year's rent	Arrears from previous years	Fee, etc., chargeable as rent	Arrears fee/s	Total due
(1)	(2)	(3) RM	(4) RM	(5) RM	(6) RM	(7) RM
G.M.M		2012	1989-2011	Of Fine	Notice	
520	240	6.00	104.00	319.30	20.00	449.30
Mukim Melaka Pindah						

Dated 18 October 2012
[PTAG. 11/06/01/14/3 (Thn. 12)(12);
PUNM. 700-02/1/74]

*District Land Administrator
Alor Gajah*

No. 901.

PERINTAH PENTADBIR TANAH DI BAWAH SEKSYEN 100
ORDER OF LAND ADMINISTRATOR UNDER SECTION 100

Bahawasanya Notis Tuntutan dalam Borang 6A Kanun Tanah Negara telah diserahkan kepada tuan punya tanah yang diperihalkan dalam Jadual dan suatu catatan tentang penyampaian notis itu telah diendors dalam Daftar Dokumen Hakmilik.

Bahawasanya amaun yang dinyatakan dalam ruang (4) sebagaimana yang ditetapkan dalam notis itu telah tidak dibayar kepada Pentadbir Tanah pada atau sebelum 18 Disember 2006.

Oleh itu, saya dengan Perintah ini mengisytiharkan bahawa tanah itu terlucuthak kepada Pihak Berkuasa Negeri.

Whereas a Notice of Demand in Form 6A of the National Land Code has been served on the proprietor of the land described in the Schedule and a note of the service of such notice has been endorsed on the Register Document of Title.

Whereas the amount specified in column (4) as prescribed in such notice has not been paid to the Land Administrator on or before 18 December 2006.

Therefore, I by this Order declare such land forfeit to the State Authority.

JADUAL/SCHEDULE

Bil.	Bandar/Pekan/Mukim No. Lot/Petak/P.T. Keluasan Perihal dan No. Hakmilik Rujukan Fail	Tarikh Penyampaian Borang 6A	Tarikh Pengendorsan Daftar Dokumen Hakmilik	Amaun Kena Bayar dalam Borang 6A
No.	Town/Village/Mukim Lot/Parcel/L.O. No. Area Description and No. of Title File Reference	Date of Service of Form 6A	Date of Endorsement on Register Document of Title	Amount Due in Form 6A
1.	Merlimau No. Lot/Lot No. 5822 371 meter persegi/ square metres P.M. 864	19-9-2006	21-9-2006	RM1,761.56

Bertarikh 19 Oktober 2012

Dated 19 October 2012
[PTJ/H/342/4/N06/(25);
PUNM. 700-02/1/74]

NORAINI BINTI TAWEL
Pentadbir Tanah Daerah/
District Land Administrator
Jasin

No. 902.

PERINTAH PENTADBIR TANAH DI BAWAH SEKSYEN 100
ORDER OF LAND ADMINISTRATOR UNDER SECTION 100

Bahawasanya Notis Tuntutan dalam Borang 6A Kanun Tanah Negara telah diserahkan kepada tuan punya tanah yang diperihalkan dalam Jadual dan suatu catatan tentang penyampaian notis itu telah diendors dalam Daftar Dokumen Hakmilik.

Bahawasanya amaun yang dinyatakan dalam ruang (4) sebagaimana yang ditetapkan dalam notis itu telah tidak dibayar kepada Pentadbir Tanah pada atau sebelum 26 Oktober 2006.

Oleh itu, saya dengan Perintah ini mengisytiharkan bahawa tanah itu terlucuthak kepada Pihak Berkuasa Negeri.

Whereas a Notice of Demand in Form 6A of the National Land Code has been served on the proprietor of the land described in the Schedule and a note of the service of such notice has been endorsed on the Register Document of Title.

Whereas the amount specified in column (4) as prescribed in such notice has not been paid to the Land Administrator on or before 26 October 2006.

Therefore, I by this Order declare such land forfeit to the State Authority.

JADUAL/SCHEDULE

Bil.	Bandar/Pekan/Mukim No. Lot/Petak/P.T. Keluasan Perihal dan No. Hakmilik	Tarikh Penyampaian Borang 6A	Tarikh Pengendorsan Daftar Dokumen Hakmilik	Amaun Kena Bayar dalam Borang 6A
No.	Town/Village/Mukim Lot/Parcel/L.O. No. Area Description and No. of Title	Date of Service of Form 6A	Date of Endorsement on Register Document of Title	Amount Due in Form 6A
1.	Merlimau No. Lot/Lot No. 5564 (P.T. 1957) 1172 meter persegi/ square metres P.M. 1069 (H.S.(M) 1312)	27-7-2006	3-8-2006	RM2,336.60

Bertarikh 19 Oktober 2012

Dated 19 October 2012
[PTJ/H/342/4/N06/(17);
PUNM. 700-02/1/74]

NORAINI BINTI TAWEL
Pentadbir Tanah Daerah/
District Land Administrator
Jasin

No. 903.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI NIAT UNTUK MENGELUARKAN
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU DOKUMEN KELUARAN
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

(Section 168)

NOTICE OF INTENTION TO ISSUE TITLE IN CONTINUATION
(OR NEW ISSUE DOCUMENT IN LIEU THEREOF)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Dokumen hakmilik yang dikeluarkan telah hilang.

In exercise of the powers conferred by section 168 of the National Land Code, notice is hereby given that it is proposed to replace the issue document of title to the land described in the Schedule below for the following reasons:

The issue document of title has been lost.

JADUAL/SCHEDULE

Bil.	Bandar/Pekan/ Mukim	No. Lot/ Petak/P.T.	Jenis dan No. Hakmilik	Keluasan	No. Fail
<i>No.</i>	<i>Town/Village/ Mukim</i>	<i>Lot/Parcel/ L.O. No.</i>	<i>Description and No. of Title</i>	<i>Area</i>	<i>File No.</i>
			Pajakan Negeri/ <i>State Lease</i>	Meter Persegi/ <i>Square Metres</i>	
1.	Pekan Klebang Seksyen III	454	GRN 19695/M6/3/221	84	PTGM.ST. 708/3/1 Jld. 5-2(4)

Bertarikh 12 Oktober 2012

Dated 12 October 2012

[PTGM. ST. 708/3/1 Jilid 5-2(4);
PTGM.UP. 100/28/2 Jld. 8]

NORHISHAM BIN RAHMAT

*Timbalan Pendaftar Hakmilik
Geran Tanah/
Deputy Registrar of Title and Grant*

No. 904.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI NIAT UNTUK MENGELUARKAN
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU DOKUMEN KELUARAN
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

(Section 168)

NOTICE OF INTENTION TO ISSUE TITLE IN CONTINUATION
(OR NEW ISSUE DOCUMENT IN LIEU THEREOF)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Dokumen hakmilik yang dikeluarkan telah hilang.

In exercise of the powers conferred by section 168 of the National Land Code, notice is hereby given that it is proposed to replace the issue document of title to the land described in the Schedule below for the following reasons:

The issue document of title has been lost.

JADUAL/SCHEDULE

Bil.	Bandar/Pekan/ Mukim	No. Lot	Jenis dan No. Hakmilik	Keluasan	No. Fail
<i>No.</i>	<i>Town/Villagel/ Mukim</i>	<i>Lot No.</i>	<i>Description and No. of Title</i>	<i>Area</i>	<i>File No.</i>
			G.M.M.	Hektar/ Hectare	
1.	Kandang	2014	1012	0.3122	GH/113/2012
			P.M.	Meter Persegi/ Square Metres	
2.	Bachang	2362	2997	268	GH/114/2012
3.	Bachang	2363	2998	268	GH/114/2012
4.	Bukit Katil	9367	2144	130	GH/115/2012
5.	Cheng	2299	690	133	GH/116/2012

Bertarikh 24 Oktober 2012

Dated 24 October 2012
[PTMT. GH/113/2012~GH/116/2012;
PUNM 700-02/1/74]

RAUIDAH BINTI RAHMAT
Penolong Pentadbir Tanah Daerah
Assistant District Land Administrator
Melaka Tengah

No. 905.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI NIAT UNTUK MENGELUARKAN
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU DOKUMEN KELUARAN
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

(Section 168)

NOTICE OF INTENTION TO ISSUE TITLE IN CONTINUATION
(OR NEW ISSUE DOCUMENT IN LIEU THEREOF)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Dokumen hakmilik yang dikeluarkan telah hilang.

In exercise of the powers conferred by section 168 of the National Land Code, notice is hereby given that it is proposed to replace the issue document of title to the land described in the Schedule below for the following reasons:

The issue document of title has been lost.

JADUAL/SCHEDULE

Bil.	Bandar/Pekan/ Mukim	No. Lot	Jenis dan No. Hakmilik	Keluasan	No. Fail
<i>No.</i>	<i>Town/Village/ Mukim</i>	<i>Lot No.</i>	<i>Description and No. of Title</i>	<i>Area</i>	<i>File No.</i>
			G.M.M.	Hektar/ Hectare	
1.	Sungei Rambai	1985	1431	0.688	PTJ/D/GG/2012/59
2.	Nyalas	862	1028	0.5109	PTJ/D/GG/2012/98
			P.M.		
3.	Nyalas	3058	836	0.5995	PTJ/D/GG/2012/100

Bertarikh 10 Oktober 2012

Dated 10 October 2012
[PTJ/D/GG/2012/59, 2012/98;
dan/and 2012/100;
PUNM. 700-02/1/74]

MOHD HAFIZAL BIN SHARIF
Penolong Pentadbir Tanah Daerah
Assistant District Land Administrator
Jasin

No. 906.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI NIAT UNTUK MENGELUARKAN
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU DOKUMEN KELUARAN
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

(Section 168)

NOTICE OF INTENTION TO ISSUE TITLE IN CONTINUATION
(OR NEW ISSUE DOCUMENT IN LIEU THEREOF)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Dokumen hakmilik yang dikeluarkan telah hilang.

In exercise of the powers conferred by section 168 of the National Land Code, notice is hereby given that it is proposed to replace the issue document of title to the land described in the Schedule below for the following reasons:

The issue document of title has been lost.

JADUAL/SCHEDULE

Bil.	Bandar/Pekan/ Mukim	No. Lot/ Petak/P.T.	Jenis dan No. Hakmilik	Keluasan	No. Fail
No.	Town/Village/ Mukim	Lot/Parcel/ L.O. No.	Description and No. of Title	Area	File No.
			P.M.	Hektar/ Hectares	
1.	Selandar	1181	318	1.5783	PTJ/D/GG/2012/104
			G.M.M.		
2.	Sebatu	2432	2190	0.1796	PTJ/D/GG/2012/105
3.	Batang Malaka	151	111	0.6146	PTJ/D/GG/2012/106
			P.M.	Meter Persegi/ Square Metres	
4.	Batang Malaka	2519	1080	102	PTJ/D/GG/2012/107
			G.M.		
5.	Selandar	2149	79	0.464	PTJ/D/GG/2012/108

Bertarikh 24 Oktober 2012

Dated 24 October 2012
[PTJ/D/GG/2012/104, 2012/105,
2012/106, 2012/107;
dan/and 2012/108;
PUNM. 700-02/1/74]

MOHD HAFIZAL BIN SHARIF
Penolong Pentadbir Tanah Daerah
Assistant District Land Administrator
Jasin

No. 907.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI NIAT UNTUK MENGELUARKAN
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU DOKUMEN KELUARAN
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

(Section 168)

NOTICE OF INTENTION TO ISSUE TITLE IN CONTINUATION
(OR NEW ISSUE DOCUMENT IN LIEU THEREOF)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Dokumen hakmilik yang dikeluarkan telah hilang.

In exercise of the powers conferred by section 168 of the National Land Code, notice is hereby given that it is proposed to replace the issue document of title to the land described in the Schedule below for the following reasons:

The issue document of title has been lost.

JADUAL/SCHEDULE

Bil.	Bandar/Pekan/ Mukim	No. Lot/ Petak/P.T.	Jenis dan No. Hakmilik	Keluasan	No. Fail
No.	Town/Village/ Mukim	Lot/Parcel/ L.O. No.	Description and No. of Title	Area	File No.
			G.M.	Hektar/ Hectares	
1.	Rim	233	301	3.5435	PTJ/D/GG/2012/109

Bertarikh 31 Oktober 2012

Dated 31 October 2012
[PTJ/D/GG/2012/109;
PUNM. 700-02/1/74]

MOHD HAFIZAL BIN SHARIF
Penolong Pentadbir Tanah Daerah
Assistant District Land Administrator
Jasin

No. 908.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI NIAT UNTUK MENGELUARKAN
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU DOKUMEN KELUARAN
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

(Section 168)

NOTICE OF INTENTION TO ISSUE TITLE IN CONTINUATION
(OR NEW ISSUE DOCUMENT IN LIEU THEREOF)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Dokumen hakmilik yang dikeluarkan telah hilang.

In exercise of the powers conferred by section 168 of the National Land Code, notice is hereby given that it is proposed to replace the issue document of title to the land described in the Schedule below for the following reasons:

The issue document of title has been lost.

JADUAL/SCHEDULE

Bil.	Bandar/Pekan/ Mukim	No. Lot/ Petak/P.T.	Jenis dan No. Hakmilik	Keluasan	No. Fail
No.	Town/Village/ Mukim	Lot/Parcel/ L.O. No.	Description and No. of Title	Area	File No.
			P.M.	Hektar/ Hectares	
1.	Jus	548	66	1.5277	PTJ/D/GG/2012/110

Bertarikh 5 November 2012

Dated 5 November 2012
[PTJ/D/GG/2012/110;
PUNM. 700-02/1/74]

MOHD HAFIZAL BIN SHARIF
*Penolong Pentadbir Tanah Daerah/
Assistant District Land Administrator
Jasin*

No. 909.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI NIAT UNTUK MENGELUARKAN
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU DOKUMEN KELUARAN
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

(Section 168)

NOTICE OF INTENTION TO ISSUE TITLE IN CONTINUATION
(OR NEW ISSUE DOCUMENT IN LIEU THEREOF)

PEMBETULAN

CORRIGENDUM

Jadual kepada Pemberitahuan *Warta Kerajaan Negeri Melaka* No. 27 yang disiarkan pada 20 Januari 2011 adalah dipinda dengan menggantikan perkataan “G.M.M. 1133” yang terdapat dalam ruangan “Jenis dan No. Hakmilik” dengan perkataan “G.M.M. 357”.

The Schedule of the Malacca Government *Gazette* Notification No. 27 published on 20 January 2011 is amended by substituting the word “G.M.M. 1133” which is appeared in column “Description and No. of Title” with word “G.M.M. 357”.

No. 910.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI NIAT UNTUK MENGELUARKAN
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU DOKUMEN KELUARAN
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

(Section 168)

NOTICE OF INTENTION TO ISSUE TITLE IN CONTINUATION
(OR NEW ISSUE DOCUMENT IN LIEU THEREOF)

PEMBETULAN

CORRIGENDUM

Jadual kepada Pemberitahuan *Warta Kerajaan Negeri Melaka* No. 761 yang disiarkan pada 27 September 2012 adalah dipinda dengan menggantikan perkataan “Bukit Rampai” yang terdapat dalam ruangan “Bandar/Pekan/Mukim” dengan perkataan “Bukit Rambai”.

The Schedule of the Malacca Government *Gazette* Notification No. 761 published on 27 September 2012 is amended by substituting the word “Bukit Rampai” which is appeared in column “Town/Village/Mukim” with word “Bukit Rambai”.

No. 911.

(Seksyen 261)

SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

(Section 261)

SUMMON TO CHARGOR TO ATTEND AN ENQUIRY

Kepada Shamsul bin Mohamad, yang beralamat di J-107 Apartment Saujana, Jalan PJU 10/1C, Damansara Damai, 47830 Petaling Jaya, Selangor dan/atau 12 Jalan Seri Emas 59, Taman Seri Telok Emas, 75460 Pernu, Melaka dan/atau TL 226 Batu 8 1/2, Jalan Tangkak, 84400 Muar, Johor dan/atau TL 205 Batu 8 1/2, Jalan Tangkak, 84000 Muar, Johor, penggadai dalam gadaian yang disebut di dalam Jadual bagi tanah yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadai dalam gadaian tersebut, suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan itu di Pejabat Daerah dan Tanah Melaka Tengah, pada 27 November 2012 (Selasa) jam 9.30 pagi.

Oleh itu, menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara, tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Pernu. No. Lot/Petak/P.T.—1930. Perihal dan No. Hakmilik—P.M. 708. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 3397/2007. (Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 15 Oktober 2012
[PTMT. BI(J) 126/12;
PUNM. 700-02/1/74]

FAEZAH BINTI BABA
*Penolong Pentadbir Tanah Daerah
Melaka Tengah*

To Shamsul bin Mohamad of J-107 Apartment Saujana, Jalan PJU 10/1C, Damansara Damai, 47830 Petaling Jaya, Selangor and/or 12 Jalan Seri Emas 59, Taman Seri Telok Emas, 75460 Pernu, Melaka and/or TL 226 Batu 8 1/2, Jalan Tangkak, 84400 Muar, Johor and/or TL 205 Batu 8 1/2, Jalan Tangkak, 84000 Muar, Johor, the chargor of the charge stated in the Schedule over the land stated therein.

Whereas I have received from the chargee of the said charge an application for an order for sale to be issued under subsection 260(2) of the National Land Code.

And whereas I intend to hold an enquiry with regards to the said application at District and Land Office of Melaka Tengah on 27 November 2012 (Tuesday) at 9.30 a.m.

Therefore, pursuant to paragraph 261(1)(c) of the National Land Code, you are required to attend the said enquiry and show cause why the said order ought not to be made.

SCHEDULE OF THE LAND AND INTEREST

Town/Village/Mukim—Pernu. Lot/Parcel/L.O. No.—1930. Description and No. of Title—P.M. 708. Share of Land (if any)—All. Registered No. of Charge (if any)—Presentation No. 3397/2007. (One (1) Title only).

Dated 15 October 2012
[PTMT. BI(J) 126/12;
PUNM. 700-02/1/74]

FAEZAH BINTI BABA
*Assistant District Land Administrator
Melaka Tengah*

No. 912.

(Seksyen 261)

SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

(Section 261)

SUMMON TO CHARGOR TO ATTEND AN ENQUIRY

Kepada Mohamad bin Haron dan Noraidah binti Mohamad, yang beralamat di Lot 465, Kampung Tampin Tengah, 73000 Tampin, Negeri Sembilan dan/atau 33 Rumah Rakyat Repah, 73000 Tampin, Negeri Sembilan, penggadai dalam gadaian yang disebut di dalam Jadual bagi tanah yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadai dalam gadaian tersebut, suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan itu di Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah, Melaka, pada 29 November 2012 (Khamis) jam 10.00 pagi.

Oleh itu, menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara, tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Padang Sebang. No. Lot/Petak/P.T.—1786. Perihal dan No. Hakmilik—P.M. 468. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 358/2004. (Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 3 Oktober 2012
[PTAG. B1/04/55/2012/(17);
PUNM. 700-02/1/74]

MOHD SHARIF BIN MOHAMAD
*Penolong Pentadbir Tanah Daerah
Alor Gajah*

To Mohamad bin Haron and Noraidah binti Mohamad of Lot 465, Kampung Tampin Tengah, 73000 Tampin, Negeri Sembilan and/or 33 Rumah Rakyat Repah, 73000 Tampin, Negeri Sembilan, the chargor of the charge stated in the Schedule over the land stated therein.

Whereas I have received from the chargee of the said charge an application for an order for sale to be issued under subsection 260(2) of the National Land Code.

And whereas I intend to hold an enquiry with regards to the said application at District and Land Office of Alor Gajah on 29 November 2012 (Thursday) at 10.00 a.m.

Therefore, pursuant to paragraph 261(1)(c) of the National Land Code, you are required to attend the said enquiry and show cause why the said order ought not to be made.

SCHEDULE OF THE LAND AND INTEREST

Town/Village/Mukim—Padang Sebang. Lot/Parcel/L.O. No.—1786. Description and No. of Title—P.M. 468. Share of Land (if any)—All. Registered No. of Charge (if any)—Presentation No. 358/2004. (One (1) Title only).

Dated 3 October 2012
[PTAG. B1/04/55/2012/(17);
PUNM. 700-02/1/74]

MOHD SHARIF BIN MOHAMAD
Assistant District Land Administrator
Alor Gajah

No. 913.

(Seksyen 261)

SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

(Section 261)

SUMMON TO CHARGOR TO ATTEND AN ENQUIRY

Kepada Za'Ba bin Midon, yang beralamat di Km 29, Jalan Laidin, Kampung Sebatu, 77400 Sungai Rambai, Melaka dan/atau LD 516 Jalan Lendu, Bakti Lendu, 78000 Alor Gajah, Melaka, penggadai dalam gadaian yang disebut di dalam Jadual bagi tanah yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadai dalam gadaian tersebut, suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan itu di Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah, Melaka, pada 6 Disember 2012 (Khamis) jam 11.00 pagi.

Oleh itu, menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara, tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Lendu. No. Lot/Petak/P.T.—2115. Perihal dan No. Hakmilik—P.M. 685. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 514/2008. (Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 24 Oktober 2012
[PTAG. B1/04/81/2012(9);
PUNM. 700-02/1/74]

MOHD SHARIF BIN MOHAMAD
*Penolong Pentadbir Tanah Daerah
Alor Gajah*

To Za'Ba bin Midon of Km 29, Jalan Laidin, Kampung Sebatu, 77400 Sungai Rambai, Melaka and/or LD 516 Jalan Lendu, Bakti Lendu, 78000 Alor Gajah, Melaka, the chargor of the charge stated in the Schedule over the land stated therein.

Whereas I have received from the chargee of the said charge an application for an order for sale to be issued under subsection 260(2) of the National Land Code.

And whereas I intend to hold an enquiry with regards to the said application at District and Land Office of Alor Gajah on 6 December 2012 (Thursday) at 11.00 a.m.

Therefore, pursuant to paragraph 261(1)(c) of the National Land Code, you are required to attend the said enquiry and show cause why the said order ought not to be made.

SCHEDULE OF THE LAND AND INTEREST

Town/Village/Mukim—Lendu. Lot/Parcel/L.O. No.—2115. Description and No. of Title—P.M. 685. Share of Land (if any)—All. Registered No. of Charge (if any)—Presentation No. 514/2008. (One (1) Title only).

Dated 24 October 2012
[PTAG. B1/04/81/2012(9);
PUNM. 700-02/1/74]

MOHD SHARIF BIN MOHAMAD
*Assistant District Land Administrator
Alor Gajah*

No. 914.

(Seksyen 261)

SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

(Section 261)

SUMMON TO CHARGOR TO ATTEND AN ENQUIRY

Kepada Zalifah binti Aziz, yang beralamat di 36-3B Blok A, Jalan Cuepacs, Taman Koperasi Cuepacs, Kajang, 43000 Selangor dan/atau J 9369 Jalan Kolam Air 5, Taman Maju, 77000 Jasin, Melaka penggadai dalam gadaian yang disebut di dalam Jadual bagi tanah yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadai dalam gadaian tersebut, suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan itu di Pejabat Daerah dan Tanah Jasin, Melaka, pada 15 Januari 2013 (Selasa) jam 9.30 pagi.

Oleh itu, menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara, tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Chinchin. No. Lot/Petak/P.T.—4243. Perihal dan No. Hakmilik—P.M. 843. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 1987/2005. (Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 25 Oktober 2012
[PTJ/D/PJ/2012/0374 (16);
PUNM. 700-02/1/74]

MOHD SAMSIR BIN MOHD DOM
*Penolong Pentadbir Tanah Daerah
Jasin*

To Zalifah binti Aziz of 36-3B Blok A, Jalan Cuepacs, Taman Koperasi Cuepacs, Kajang, 43000 Selangor and/or J 9369 Jalan Kolam Air 5, Taman Maju, 77000 Jasin, Melaka, the chargor of the charge stated in the Schedule over the land stated therein.

Whereas I have received from the chargee of the said charge an application for an order for sale to be issued under subsection 260(2) of the National Land Code.

And whereas I intend to hold an enquiry with regards to the said application at District and Land Office of Jasin on 15 January 2013 (Tuesday) at 9.30 a.m.

Therefore, pursuant to paragraph 261(1)(c) of the National Land Code, you are required to attend the said enquiry and show cause why the said order ought not to be made.

SCHEDULE OF THE LAND AND INTEREST

Town/Village/Mukim—Chinchin. Lot/Parcel/L.O. No.—4243. Description and No. of Title—P.M. 843. Share of Land (if any)—All. Registered No. of Charge (if any)—Presentation No. 1987/2005. (One (1) Title only).

Dated 25 October 2012
[PTJ/D/PJ/2012/0374 (16);
PUNM. 700-02/1/74]

MOHD SAMSIR BIN MOHD DOM
*Assistant District Land Administrator
Jasin*

No. 915.

(Seksyen 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

(Section 263)

ORDER FOR SALE AT INSTANCE OF CHARGE

Saya, Raudah binti Rahmat, Penolong Pentadbir Tanah Daerah Melaka Tengah, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 263 Kanun Tanah Negara, dengan ini memerintahkan supaya dijual tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) supaya jualan itu, hendaklah secara lelongan awam, yang akan diadakan pada 30 November 2012 (Jumaat) jam 10.00 pagi di kawasan Pejabat Tanah Melaka Tengah, Melaka; dan
 - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu hendaklah RM60,000.00 (Enam Puluh Ribu Ringgit sahaja).
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian pada tarikh ini ialah RM79,818.41. Nama Pemegang Gadaian ialah Malaysia Building Society Berhad.
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) penawar memiliki, sejumlah wang yang bersamaan dengan sepuluh peratus (10%) daripada harga rizab yang dinyatakan di bawah perenggan 1(b) di atas: RM6,000.00 (Enam Ribu Ringgit sahaja);
 - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
 - (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
 - (i) maka, jumlah wang dinyatakan dalam perenggan (a) hendaklah dibayar kepada Pemegang Gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
 - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah wang yang dinyatakan dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah wang yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
 - (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh (120) hari dari tarikh jualan, iaitu tidak lewat dari tarikh 30 April 2013 dan bahawa tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah dinyatakan; dan

- (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah wang yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucuthak dan dilupuskan mengikut cara yang dinyatakan di bawah seksyen 267.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Tanjong Minyak. No. Lot—4351. Perihal dan No. Hakmilik—G.M.M. 1570. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 1836/2007.

Bertarikh 27 Ogos 2012
[PTMT. BI(J) 104/12;
